

# RAHMATAN LIL'ALAMIN

DALAM KONTEKS  
MASYARAKAT KONTEMPORARI

SHUKRAN ABD RAHMAN  
HASLINA IBRAHIM



مجلس الكوادر الإسلامية  
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
بون بريسني ايشالرا ايشالرا ايشالرا ايشالرا  
Company No. 101067-PJ  
Garden of Knowledge and Virtue



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA





# RAHMATAN LIL ALAMIN

DALAM KONTEKS  
MASYARAKAT KONTEMPORARI

Editor

Shukran Abd Rahman  
Haslina Ibrahim



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا  
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA  
يونسيفيسني اسنلار انبارا بختنا ملينستا  
Garden of Knowledge and Virtue

PUSTAKA PERDANA



1012897



Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada

**Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Ibu Pejabat)**

Aras 1, 7, 9-11, Bangunan PERKIM No. 150,  
Jalan Ipoh 51200 Kuala Lumpur

dan

**Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan**

Universiti Islam Antrabangsa Malaysia  
P.O. Box 10, 50728 Kuala Lumpur

Perpustakaan Negara Malaysia  
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Ibu Pejabat)**

Aras 1,7,9-11, Bangunan PERKIM No. 150,  
Jalan Ipoh 51200 Kuala Lumpur

297. 57

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Mukasurat</b>
	Kata Pengantar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama)	5
	Kata Pengantar Dato Seri Pengerusi, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	6
	Prakata	7
	Penghargaan	9
<b>Pendahuluan</b>		
1	<i>Rahmatan lil 'Alamin</i> dalam Konteks Masyarakat Kontemporari: Pengenalan <i>Shukran Abd Rahman dan Haslina Ibrahim</i>	12
2	Prinsip Utama dalam Konsep <i>Rahmatan lil 'Alamin</i> <i>Shukran Abd Rahman</i>	22
<b>Sumber dan Asas Konsep <i>Rahmatan lil 'Alamin</i></b>		
3	<i>Rahmatan lil 'Alamin</i> : Menelusuri Tema Rahmah di Dalam al-Qur'an <i>Ammar Fadzil</i>	44
4	Memahami Konsep <i>Rahmatan lil 'Alamin</i> Melalui Kitab-Kitab Tafsiran al-Qur'an <i>Nadzrah Ahmad</i>	52
5	Renungan Rampaian <i>Rahmah</i> dalam Rantainya Sabda Rasul Allah SAW <i>Khairil Husaini Bin Jamil</i>	62
6	Gagasan <i>Rahmatan lil 'Alamin</i> dalam Khutbah <i>Hajjat Al-Wada'</i> <i>Nadwah Binti Daud</i>	73
7	Istinbat <i>Rahmatan lil 'Alamin</i> : Perspektif Usul al-Fiqh <i>Jasni Sulong</i>	84
8	<i>Rahmatan lil 'Alamin</i> : Gabungan Ilmu dan Kebijaksanaan (Hikmah) Menerobos Kepelbagaian Etnik dan Agama <i>Noor Inayah Yaakub</i>	94
9	Penyebaran Islam Berasaskan Konsep <i>Rahmah</i> Dalam Islam Oleh Ulama' Abad Ke-17 Di Alam Melayu: Analisa Teks Klasik Melayu <i>Salasila Kutai</i> <i>Mohd Noh Abdul Jalil</i>	103

## **Pemangkin Kepada Kefahaman dan Manifestasi Rahmatan lil 'Alamin**

10	Pembentukan Kefahaman Konsep <i>Rahmatan lil 'Alamin</i> Bermula dari Alam Kanak-Kanak <i>Nazariah Shar'ie Janon</i>	112
11	<i>Rahmatan lil 'Alamin</i> dari Sudut Falsafah Pendidikan Kebangsaan <i>Dzulkifli Abdul Razak</i>	117
12	Gagasan <i>Rahmatan lil 'Alamin</i> dan Kaitannya dengan Amalan Konsep <i>Fiqh al-Ta'ayusy</i> dalam Dakwah Masyarakat Majmuk <i>Zulkefli bin Aini</i>	127
13	<i>Rahmatan lil 'Alamin</i> dan Permeriksaan Institusi Wakaf <i>Sayuti Ab Ghani</i>	137
14	Refleksi Hasil Penyelidikan Tentang Konsep Dialog Gaya Nabi SAW ( <i>Prophetic Interfaith Dialogue</i> ) dalam Kalangan Belia Malaysia <i>Alwani Ghazali</i>	148
<b>Prinsip Utama Konsep Rahmatan lil 'Alamin</b>		
15	Kebenaran Agama dan Kehidupan Bersama di Malaysia: Perspektif <i>Rahmatan lil 'Alamin</i> <i>Haslina Ibrahim</i>	156
16	Toleransi Sebagai Nilai Primer Perpaduan Seluruh Alam <i>Mohd Azmir Mohd Nizah</i>	169
17	Menangani Ekstremisme Dalam Beragama Dengan Pendekatan <i>Rahmatan lil 'Alamin</i> <i>Mohd Mizan Aslam</i>	179
18	Pembentukan Nilai Moral Sejangat dan hubungannya dengan Konsep <i>Rahmatan Lil 'Alamin</i> <i>Wan Mohd Azam Mohd Amin</i>	188
19	<i>Ihsan</i> dan Budaya Kerja dari Perspektif <i>Rahmatan lil 'Alamin</i> <i>Rohaiza Rokis</i>	198
20	Penghayatan Prinsip <i>Rahmah</i> Dalam Pembentukan Keluarga Menurut Perspektif Sunnah <i>Norzulaili Mohd Ghazali</i>	209
21	Konsep <i>Rahmatan lil 'Alamin</i> dan Prinsip Tadbir Urus yang Baik dalam Masyarakat Majmuk <i>Rabi'ah Aminudin</i>	217
22	Cadangan dan Penutup <i>Shukran Abd Rahman dan Haslina Ibrahim</i>	228
Rujukan		234
Biodata Editor dan Penulis		248

## **YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(Agama)

Islam adalah satu cara hidup yang merahmati manusia melalui panduan yang diberikan dalam aspek keruhanian, akidah, akhlak, ibadah dan perundangan yang saling berintegrasi, melengkap, serta seimbang. Istilah *Rahmatan lil 'Alamin* daripada segi makna merujuk kepada ciri-ciri agama Islam yang membawa kebaikan dan menuntut penganutnya menyebarkan kebaikan itu juga di alam ini. Nilai-nilai yang terdapat dalam konsep *Rahmatan lil 'Alamin* adalah bersifat universal, iaitu untuk seluruh makhluk dalam alam semesta melangkaui batas masa dan tempat.

Buku ini membincangkan dan menghuraikan pengertian *Rahmatan lil 'Alamin*. Ia juga mengenalpasti, mempromosikan komponen utama, dan menggariskan cadangan pembangunan pelan tindakan pelaksanaan *Rahmatan lil 'Alamin*. Kandungan buku ini menyediakan kerangka penting prinsip *Rahmatan lil 'Alamin* yang wajar menjadi rujukan para ahli akademik, pelajar, penyelidik, pembuat dasar, dan pentadbir daripada kalangan penganut Islam, dan bukan Islam.

Buku ini diharapkan dapat menarik perhatian pelbagai lapisan pembaca dalam kalangan masyarakat awam khususnya untuk mendapatkan kefahaman yang murni tentang konsep *Rahmatan lil 'Alamin*. Semoga perbincangan terhadap konsep ini dapat mengaspirasikan pembaca bukan sahaja tentang pengertian *Rahmatan lil 'Alamin*, bahkan mendorong pembaca untuk meningkatkan pengamalan dan penghayatan terhadap *Rahmatan lil 'Alamin* moga-moga ia dapat direalisasikan dalam konteks kehidupan individu, masyarakat dan negara.

### YBHG. DATO' SRI SYED HUSSIEN ABD KADIR

*Rahmatan lil 'Alamin* merupakan satu istilah yang seringkali diwar-warkan oleh masyarakat umum hari ini. Istilah ini seakan mempunyai tarikan tersendiri lebih-lebih lagi dalam memenuhi ekspektasi masyarakat moden yang berhajatkan hubungan harmonis sesama bangsa.

Istilah *Rahmatan lil 'Alamin* yang lahir daripada al-Qur'an, Surah al-Anbiya' ayat 107 seharusnya difahami sebagai penghurai permasalahan dalam masyarakat tanpa mengira bangsa ataupun agama. Islam yang didatangkan kepada kaum Quraisy Mekah bukanlah hanya untuk dinikmati oleh segelintir kaum, bahkan untuk memberi manfaat yang meluas dalam pelbagai aspek kehidupan. Kefahaman yang baik berdasarkan asas-asas ilmu yang betul amat diperlukan bagi menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi masyarakat.

Islam harus dilihat sebagai teman dan penyelamat dunia tanpa perlu mengorbankan nilai-nilai sedia ada dalam masyarakat yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Seperti yang didapati dalam kajian sarjana Islam, prinsip *Rahmatan lil 'Alamin* menyediakan penyelesaian terhadap permasalahan global yang semakin menghimpit dan mendesak. Perbincangannya menjurus ke arah diskusi ilmiah yang mampu menunjukkan jalan keluar terhadap cabaran masakini yang menghambat kehidupan masyarakat Malaysia yang majmuk.

Buku ini diharapkan dapat memberi kefahaman yang tepat terhadap makna dan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dalam pelbagai aspek kehidupan. Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak yang terlibat dengan proses pembinaan masyarakat Malaysia makmur dan sejahtera.

Idea penerbitan buku ini telah dicetuskan oleh Dato' Seri Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada bulan Februari 2019. Beliau mengutarakan satu idea yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu mengangkat konsep *Rahmatan lil 'Alamin* sebagai satu gagasan penting dalam kehidupan dalam masyarakat Malaysia . Dato' Seri menekankan satu keperluan untuk menerbitkan sebuah penulisan yang boleh menjadi rujukan masyarakat pelbagai lapisan *lantaran wujudnya salah faham dan kekeliruan di dalam memahami konsep Rahmatan lil Alamin*. Beliau juga menekankan bahawa sebuah penulisan mesra-pembaca perlu dihasilkan supaya konsep tersebut boleh difahami oleh segenap lapisan pembaca. Beliau berhasrat untuk mengetengahkan tulisan para ilmunan dari pelbagai latarbelakang ilmu dan institusi yang dapat membantu masyarakat untuk memahami konsep *Rahmatan lil 'Alamin* yang menjadi satu gagasan penting dalam pentadbiran negara masa ini.

Sejurus selepas menerima saranan dari beliau, satu perbincangan telah diadakan untuk merancang sebuah projek penulisan buku. Sebuah pasukan petugas telah ditubuhkan untuk menggubal kertas konsep buku yang diharapkan dapat menggariskan prinsip utama *Rahmatan lil 'Alamin*. Untuk menghasilkan sebuah penerbitan yang sesuai dengan latar belakang pembaca dari berbagai peringkat sosio ekonomi, ahli akademik dalam pelbagai bidang disiplin ilmu dari pelbagai institusi pengajian tinggi telah dikenalpasti untuk menyumbang tulisan mereka di dalam buku ini. Alhamdulillah, saranan tersebut disambut baik oleh rakan-rakan ahli akademik dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kolej Professional Baitulmal, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Kertas kerja penulisan buku *Rahmatan lil 'Alamin* dalam Konteks Masyarakat Kontemporari telah dimajukan kepada Dato' Seri Pengerusi MAIWP. Beliau bukan sahaja bersetuju dengan konsep dan judul bab dalam buku yang dicadangkan, malah mengambil keputusan untuk membahaskan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dengan penganjuran satu seminar bersempena penerbitan buku tersebut. Pihak penulis menyambut baik hasrat beliau dan menganggapnya sebagai satu usaha murni yang perlu diberikan sokongan. Buku ini diolah untuk mengemukakan kupasan tentang konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dari pelbagai perspektif dan mengaitkannya dengan ciri masyarakat kontemporari. Beberapa penulis telah dikenalpasti dan diundang untuk menyumbangkan tajuk dan abstrak masing-masing bersesuaian dengan konsep buku tersebut. Setelah kedua-duanya mendapat persetujuan daripada penyunting, para penulis telah diberikan masa sekurang-kurangnya enam minggu untuk menyudahkan penulisan mereka.

Setiap penulis telah mengemukakan kupasan tentang konsep RLA dari pelbagai perspektif dengan mengaikannya dengan masyarakat kontemporari.

Hasil tulisan mereka telah dimurnikan oleh penyunting sebelum ia dibentangkan di Seminar Meja Bulat *Rahmatan lil 'Alamin* yang dianjurkan khusus untuk setiap penulis bertukar pandangan di dalam usaha untuk memurnikan bab masing-masing. Bengkel tersebut telah diadakan di Kolej Professional Baitulmal atas anjuran Kolej Professional Baitulmal. Setiap penulis membentangkan bab masing masing dan beberapa cadangan penambahbaikan telah dikemukakan kepada mereka. Isi penting dari setiap bab telah diangkat sebagai elemen penting di dalam usaha menggariskan prinsip utama *Rahmatan lil 'Alamin*. Pihak penyunting juga telah meminta setiap penulis untuk memenuhi tujuan utama penerbitan buku ini iaitu untuk mendekati golongan pembaca umum dalam masyarakat. Setiap penulis menggunakan bahasa yang mudah difahami dan mengurangkan istilah khusus dalam disiplin ilmu masing masing

Selepas seminar tersebut, setiap penulis telah diberikan masa seminggu untuk melakukan pengubahsuaian. Pada akhir bulan Julai, deraf pertama telah berjaya dihasilkan dan seterusnya dimurnikan untuk tujuan penerbitan. Secara dasarnya, Universiti Islam Antarabangsa melalui inisiatif yang dilakukan oleh Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan mengambil peranan menjayakan projek ini sebagai menjayakan misi integrasi wahyu dan sains kemanusiaan yang merupakan teras kepada penubuhan kulliyah. Sesungguhnya tawaran yang diberikan oleh Dato Seri Pengerusi MAIWP telah merealisasikan misi perkongsian pintar dan perkongsian pengetahuan yang sangat strategik. Moga-moga bersama usaha murni ini penulisan ini beroleh rahmat daripada Ilahi dan berupaya menjinakkan hati-hati pembacanya terhadap agama rahmat ini. Amin. Menariknya, konsep *Rahmatan lil 'Alamin* bukanlah sesuatu yang asing bagi warga Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Setiap kali perhimpunan penting diadakan, warga universiti ini akan mengalunkan lagu Universiti dengan penuh semangat. Rangkap terakhir lagu tersebut mengandungi frasa *Rahmatan lil 'Alamin* yang sangat mengaspirasikan; *"Together, we make the world a better place, forever extend the culture of Iqra', IIUM is to realize the meaning of Rahmatan lil 'Alamin (mercy to all the world for all mankind)"*. Frasa ini menuntut iltizam dari warga Universiti untuk mendidik pelajar, menjalankan kajian, serta menyebarkan ilmu ke seluruh lapisan masyarakat dengan tujuan memperbaiki taraf hidup mereka dan persekitaran, selari dengan prinsip *Rahmatan lil 'Alamin*. Semoga niat dan usaha murni ke arah merealisasikan *Rahmatan lil 'Alamin* ini mendapat diberkati Ilahi dan dipermudahkan. Amin.

**Shukran Abd Rahman**

**Haslina Ibrahim**

Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia



# PENGHARGAAN

Pihak penerbit mengucapkan setinggi penghargaan ke atas perhatian dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh YBhg Dato Seri Pengerusi MAIWP yang mencetuskan idea untuk menerbitkan buku ini. Beliau melihat kepentingan untuk menjelaskan kefahaman terhadap konsep *Rahmatan lil 'Alamin* yang menjadi gagasan penting dalam pentadbiran kerajaan seperti yang diusulkan oleh YB Datuk Seri Dr. Mujahid Yusuf Rawa. Penghargaan juga diberikan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang membiayai penerbitan ini buku *'Rahmatan lil 'Alamin dalam Konteks Masyarakat Kontemporari* ini . Sekalung tahniah dan penghargaan buat para penulis yang terdiri dari ahli akademik pelbagai universiti. Ucapan terima kasih juga kepada Muhammad 'Afif Jazli Samion dan Nurhani Hussin yang telah membantu proses penyuntingan buku ini.



UNIVERSITY OF MALAYA  
FACULTY OF EDUCATION  
DEPARTMENT OF TEACHER EDUCATION  
JALAN ALAM DAUN  
50608 KUALA LUMPUR

# PENDAHULUAN



# ***Rahmatan lil 'Alamin*** **dalam Konteks** **Masyarakat Kontemporari:** **Pengenalan**

Shukran Abd Rahman  
shukran@iium.edu.my

Haslina Ibrahim  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
haslina@iium.edu.my

---

Dari masa ke masa, sistem kehidupan manusia berubah. Mereka mempunyai jangkauan perhubungan yang luas sesama mereka dan juga makhluk lain di alam ini. Manusia berinteraksi dan belajar di antara satu sama lain dan menerokai ilmu baru yang membawa mereka kepada ketamadunan hidup. Dari awal kewujudan manusia, ciri-ciri hubungan manusia dengan masyarakat sekitarnya sentiasa berubah. Bermula dengan masyarakat yang hanya berhubung dengan individu lain dan haiwan peliharaan untuk membantu aktiviti seharian (contoh pertanian), manusia mencipta hubungan dengan mesin, robot, sumber bahan dari tempat lain, individu dari tempat lain, serta maklumat. Tamadun yang dibina sejak masyarakat awal sehingga kini membolehkan manusia memiliki berbagai hasil ciptaan yang memudahkan urusan seharian mereka. Tamadun yang dibina juga melibatkan penggabungan usaha individu dalam masyarakat yang terdiri dari berbagai kumpulan dan peringkat. Ianya juga melibatkan penggunaan sumber dari alam yang terdiri dari tumbuh-tumbuhan, haiwan, bukit bukau, sungai, lautan, dan segala kejadian ciptaan Allah. Ini melibatkan hubungan rapat antara manusia sesama manusia lain serta alam iaitu tempat mereka menjalani kehidupan. Demi menjamin hubungan yang harmoni dalam rangkaian manusia dan alam, Islam telah menyediakan sistem kehidupan yang sempurna yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW. Rasulullah SAW memperkenalkan Islam sebagai agama keamanan dan kasih sayang yang menyeru penganutnya mengasihi sesama manusia bahkan juga haiwan dan alam di sekelilingnya. Risalah Islam yang dibawa oleh Baginda SAW merangkumi tatacara manusia berhubungan dengan Allah dan manusia dengan manusia (*hablun minnallah wa hablun minannass*).

Berbanding makhluk lain, manusia mampu melakukan pelbagai aktiviti yang dapat memakmurkan kehidupan mereka secara teratur untuk mengecapi kebahagiaan. Namun kemakmuran ini tidak mungkin dikecapi tanpa faktor-faktor tertentu yang menjadi asas kebahagiaan. Bagi seorang Muslim, rahmat dari Allah merupakan salah satu asbab kepada kemajuan dan kebahagiaan manusia. Istilah rahmat yang disandarkan kepada Baginda Nabi Muhammad SAW dalam surah al-Anbiya' menjadi satu gagasan penting dalam risalah baginda. Ia sepatutnya dipegang dan diamalkan oleh umat Islam kerana ia merupakan satu prinsip penting dalam agama. Selain daripada konsep rahmat, Al-Qur'an turut menyebutkan beberapa prinsip utama yang perlu difahami dan diamalkan, antaranya, berkenal-kenalan sesama manusia (*ta'arafu*), bertolong-menolong dalam perkara kebaikan dan ketaqwaan (*ta'awanu ala al-birri wa al-taqwa*), bersikap sederhana dan tidak ekstrem (*ummatan wasatan*) dan mempamerkan contoh tauladan yang baik kepada manusia (*khayra ummah*). Prinsip-prinsip tersebut menyempurnakan tujuan risalah yang diwahyukan Allah SWT kepada para rasul dan diturunkan dalam bentuknya yang paling sempurna kepada baginda Rasulullah SAW sebagai risalah yang membawa rahmat ke seluruh alam (*Rahmatan lil 'Alamin*).

Islam sesungguhnya telah diwahyukan sebagai suatu cara hidup merahmati manusia melalui panduan yang diberikan dalam aspek kerohanian, aqidah, akhlak, ibadah dan perundangan yang saling berintegritas, melengkap dan seimbang. Buku ini berhasrat menghuraikan secara terperinci lapisan makna yang terkandung di dalam *Rahmatan lil 'Alamin*. Frasa ini menghidupkan kembali sebahagian daripada 'jenama Islam' yang semakin dilupakan akibat keghairahan melampau terhadap penjenamaan legalistik yang menggambarkan Islam sebagai agama yang eksklusif dan punitif semata-mata. Buku ini juga akan membincangkan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dengan mengaitkannya dengan ciri-ciri masyarakat kontemporari. Buku ini juga menggariskan asas utama, serta mencadangkan strategi untuk membentuk konsep rahmat dalam diri individu muslim. Buku ini turut membincangkan bagaimana konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dapat membantu individu Islam berdepan dengan cabaran masyarakat masa kini dan hadapan yang terdedah kepada teknologi moden, ledakan informasi moden yang luas dan pantas, rekacipta yang mantap serta gaya hidup yang bermacam ragam. Bab di dalam buku ini dipersembahkan dalam beberapa bahagian yang disusun berdasarkan tiga tema utama iaitu Sumber dan Asas Konsep *Rahmatan lil 'Alamin*, Pemangkin Kepada Pembentukan Konsep *Rahmatan lil 'Alamin*, dan Prinsip Utama Konsep *Rahmatan lil 'Alamin*.

## **SUMBER DAN ASAS KONSEP RAHMATAN LIL 'ALAMIN**

*Rahmatan lil 'Alamin* adalah ungkapan yang terdapat di dalam Al-Qur'an yang melambangkan mesej Islam, yang ditugaskan kepada Nabi Muhammad SAW. Frasa *Rahmatan lil 'Alamin* sebenarnya menggariskan bahawa risalah Islam

bertujuan untuk menyebarkan kebaikan di bumi ini. Oleh yang demikian, umat Islam sewajarnya berpegang dengan dan mengamalkan nilai-nilai yang relevan untuk merealisasikan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* sehingga menjadi kenyataan. Konsep *Rahmatan lil 'Alamin* membayangkan bahawa agama Islam ini, dari segi maknanya yang am dan khas, menjadi agama yang menawarkan keselamatan dan kebaikan yang bersifat universal melangkaui batas masa dan tempat. Nilai-nilai rahmat yang dibawahnya adalah sejagat (*Alamin*) jauh sekali daripada bersifat eksklusif dan selektif. Bahkan, penekanan terhadap nilai-nilai rahmat yang sejagat ini melangkaui istilah 'global' dan modus operandinya iaitu 'globalisasi' yang mendasari falsafah sekular; moden dan pasca moden serta segala idealisme yang terkandung di dalamnya. Secara keseluruhannya, Shukran Abd Rahman merumuskan intipati yang terkandung di dalam setiap bab di dalam buku ini. Beliau telah menyenaraikan tujuh belas prinsip utama *Rahmatan lil 'Alamin* dan ini secara tidak langsung menyediakan para pembaca dengan asas yang diperlukan bagi memahami perbincangan yang lebih mendalam di dalam bab yang seterusnya.

Perbincangan tentang *Rahmatan lil 'Alamin* sebagai ungkapan dari Al-Qur'an dilakukan oleh Ammar Fadzil yang membahaskan makna *Rahmatan lil 'Alamin* menurut perspektif al-Quran. Beliau menyelusuri tema *Rahmah* yang banyak disebut di dalam al-Qur'an sebagai salah satu sifat daripada sifat-sifat Allah dan Rasul-Nya. Bahkan, rahmah juga adalah sebahagian daripada ciri-ciri Islam. Beliau menjelaskan bahawa menurut al-Qur'an, fungsi kerasulan adalah untuk membawa rahmat untuk alam sejagat. Tulisan beliau meletakkan asas yang penting bagi buku ini kerana ia mengupas *Rahmatan lil 'Alamin* secara tematik menurut al-Qur'an. Ammar menyatakan bahawa *rahmah* ialah salah satu daripada *maqasid* al-Qur'an yang menaungi tema-tema yang terdapat di dalamnya. Terdapat hubung kait yang rapat di antara *rahmah* dengan tema-tema yang lain antaranya ilmu, akhlak, pendidikan dan sosial.

Selain Ammar, Nadzrah Ahmad juga mengupas ungkapan *Rahmatan lil 'Alamin* dari Surah al-Anbiya' ayat 107 berdasarkan pandangan *mufasssirin* klasik dan kontemporari. Beliau membincangkan kerasulan Nabi Muhammad SAW sebagai pelengkap kepada risalah dan misi kenabian. Nadzrah menekankan bahawa *Rahmatan lil 'Alamin* adalah bukti kepada kesejagatan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Beliau turut membicarakan peranan para *mufasssirin* dalam menjelaskan makna dan epistemologi *Rahmatan lil 'Alamin*. Nadzrah menggunakan pendekatan menghuraikan konteks penurunan ayat tersebut berdasarkan sejarah Nabi Muhammad SAW dan keadaan semasa ayat ini diturunkan dalam menjelaskan maksud *Rahmatan lil 'Alamin*.

Perbincangan tentang sumber dan asas konsep *rahmatan lil 'alamin* juga dilakukan dengan teliti oleh Khairil Husaini Jamil yang membicarakan konsep *rahmah* dalam himpunan sabda Rasulullah SAW. Beliau menganalisa

kepelbagaian konsep dan amalan *Rahmatan lil 'Alamin* seperti yang dirakamkan dalam kepustakaan hadith. Beliau mengemukakan tujuh perspektif konsep *rahmah* yang memperkukuh maksud perutusan Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat untuk seluruh alam sejajar dengan gelaran baginda sebagai *Nabiy al-Rahmah* (Nabi pembawa rahmat). Bab yang ditulis oleh beliau menyimpulkan bahawa *rahmah* tidak hanya terhad kepada soal sikap dan pendekatan, sebaliknya ia merangkumi pelbagai aspek seperti kosmologi, teologi, ekologi, psikologi, dan seumpamanya. Selain menyenaraikan beberapa karya bahasa Arab yang memperincikan sifat *rahmah* Nabi Muhammad SAW dalam berinteraksi dengan pelbagai kelompok dan tahap masyarakat, bab ini turut menyentuh kepentingan mengetengahkan prinsip *rahmah* dalam pengajian dan penyelidikan ilmu hadith dan sunnah.

Selain al-Quran dan Hadis Rasullullah, perbincangan tentang sumber dan asas konsep *rahmatan lil 'alamin* juga disorot melalui peristiwa penting dalam sejarah Rasullullah SAW. Nadwah Daud menghuraikan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW melalui isu-isu yang ditekankan oleh baginda di dalam khutbah *hajjat al-wida*. Isu-isu tersebut berhubung kait dengan tatacara perhubungan manusia dengan manusia lain, termasuk aspek 'hutang darah' dan 'hutang harta'. Beliau membincangkan isu tersebut serta mengupasnya dari perspektif sejarah yang merangkumi penekanan kepada aspek keamanan sejagat dan individu. Nadwah menghuraikan pembentukan kerangka bagi konsep *Rahmatan lil 'Alamin* berikutan wujudnya keperluan kepada pemahaman yang lebih luas tentang ciri-ciri agama Islam dalam kalangan bukan Muslim, khasnya di Malaysia. Beliau menekankan kepentingan untuk merangka polisi serta aktiviti sesuai yang berkaitan masyarakat berbilang bangsa di Malaysia secara lebih yakin dan jitu berdasarkan konsep *Rahmatan lil 'Alamin*.

Kedatangan Islam yang membawa sistem peraturan dan cara hidup yang sistematik dalam mencorakkan kehidupan dan mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Beliau menegaskan bahawa syariat Islam adalah rahmat kepada manusia. Islam diwahyukan dengan satu sistem hidup bermasyarakat berteraskan prinsip *amar ma'ruf* dan *nahi munkar*. Beliau turut menjelaskan perselisihan dalam memahami konsep *Rahmatan lil 'Alamin* daripada perspektif *Usul al-Fiqh* yang berasaskan dalil daripada al-Qur'an dan al-Sunnah. Beliau turut membincangkan persepahaman ulama' (*ijmak*) dan analogi (*qiyas*) yang menyokong pembinaan konsep dalam pengurusan maksud *Rahmatan lil 'Alamin* ini.

Noor Inayah Yaakub menganalisis gabungan ilmu dan hikmah dalam memahami aplikasi *Rahmatan lil 'Alamin* terhadap kehidupan multi etnik di Malaysia. Perbincangan beliau, selari dengan tema sumber dan asas konsep *rahmatan lil 'alamin*, menjelaskan salah faham masyarakat terhadap aplikasi

*Rahmatan lil 'Alamin* yang telah merencanakan maksud sebenar frasa tersebut. Noor Inayah berpendapat bahawa *Rahmatan lil 'Alamin* telah disempitkan pemahamannya hingga menyebabkan Islam dilihat tidak sempurna oleh masyarakat bukan Islam. Dalam hal ini beliau menjelaskan bahawa adalah penting agar ilmu dan hikmah digandingkan seiring dengan dalil-dalil yang muktabar bagi mengukuhkan perbahasan mengenai *Rahmatan lil 'Alamin*. Selain daripada itu, Noor Inayah juga menegaskan bahawa *Maqasid Syariah* turut menjadi dasar kepada *Rahmatan lil 'Alamin*. Beliau berkongsi kebimbangan bahawa terdapat segelintir masyarakat hari ini yang salah faham terhadap para mujtahid sendiri. Contohnya, jika ada sebahagian mujtahid yang memutuskan fatwa untuk kesejahteraan masyarakat umum (tidak atas faktor Islam semata-mata), mereka akan dinafikan sebagai mujtahid walaupun ijtihad mereka berasas. Keadaan ini membuka ruang bagi persoalan seterusnya iaitu, adakah multi etnik dalam Malaysia terhijab sebagai benefisiari kepada *Rahmatan lil 'Alamin*?

Penekanan terhadap pentingnya untuk melaksanakan pendekatan *rahmah* kepada masyarakat telah diperlihatkan oleh para alim ulama' di Alam Melayu seawal abad ke-17. Mohd Noh Abdul Jalil membincangkan penemuan kajian beliau ke atas sebuah teks Melayu abad ke-17 bertajuk *Salasila Kutai*. Beliau berhujah bahawa Islam telah dipersembahkan kepada masyarakat Melayu melalui perlaksanaan konsep *rahmah*. Masyarakat Melayu ketika itu telah sekian lama terdedah kepada budaya dan amalan agama Hindu-Buddha serta animisme. Kepercayaan dan amalan seumpamanya telah berjaya diubah apabila masyarakat Melayu ketika itu menerima Islam secara sukarela berikutan pendekatan *rahmah* dalam da'wah para ulama' pada zaman itu. Mohd Noh merumuskan bahawa pendekatan *rahmah* yang ditunjuk dan dilaksanakan semasa memperkenalkan Islam akan menghasilkan penerimaan agama Islam oleh masyarakat tempatan secara sukarela, aman dan tanpa sebarang pertumpahan darah.

## **PEMANGKIN KEPADA KEFAHAMAN DAN MANIFESTASI RAHMATAN LIL 'ALAMIN**

Tema ini mengupas usaha dan strategi yang perlu ada bagi memupuk nilai *rahmah* dalam diri individu muslim. Bab di dalam bahagian ini juga membincangkan bagaimana *Rahmatan lil 'Alamin* perlu dibina dengan mengambilkira faktor dalaman dan luaran seseorang individu. Nazariah Shar'ie Janon membincangkan tentang pembentukan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dalam diri individu dari perspektif psikologi perkembangan (*Developmental Psychology*). Beliau menekankan kepentingan mendedahkan dan mengamalkan nilai *Rahmatan lil 'Alamin* yang menyeluruh sejak usia kanak-kanak lagi. Peranan ibubapa, guru-guru dan masyarakat sekeliling adalah penting untuk mempamirkan model *rahmah* kepada kanak-kanak. Menurut beliau, dengan cara ini, pembinaan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dapat dilakukan secara berkesan, tepat dan bertahan untuk jangka masa panjang.

Selain daripada peranan ibu bapa dan keluarga, peranan institusi pendidikan formal juga adalah penting di dalam usaha membentuk sikap *rahmah* dalam masyarakat kontemporari. Dzulkifli Abdul Razak menghuraikan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dari perspektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Menurut beliau, kefahaman *Rahmatan lil 'Alamin* perlu menjadi satu gagasan penting bagi kemanusiaan dan kesejagatan tanpa wujud sebarang batasan. *Rahmatan lil 'Alamin* mempunyai peranan bimbingan besar dalam melaksanakan penyampaian pendidikan abad ke-21 bahkan ia mampu menjadi wahana global dan antarabangsa dan ini selari dengan prinsip *Rahmatan lil 'Alamin*. Dalam konteks Malaysia, beliau membicarakan tentang relevannya FPK namun istilah ini menurutnya tidak terhad kepada aspek kebangsaan semata-mata. Sebaliknya, FPK merangkumi pelbagai lapisan perspektif. FPK juga mampu menggariskan wawasan untuk menyediakan masyarakat mengharungi kehidupan hari ini dan masa hadapan.

Untuk membentuk masyarakat yang berpegang kepada nilai *rahmah*, kefahaman mereka tentang wujudnya kepelbagaian dalam masyarakat kontemporari adalah penting. Zulkefli Aini membicarakan *Rahmatan lil 'Alamin* dan kaitannya dengan amalan kehidupan bersama dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Beliau membicarakan maksud sebenar *Rahmatan lil 'Alamin* dan aplikasinya dalam dakwah masyarakat majmuk yang disesuaikan dengan konsep *fiqh al-ta'ayush*. Ianya adalah hasil penelitian yang dilakukan terhadap pandangan sarjana yang menulis tentang *Rahmatan lil 'Alamin* dan *Fiqh al-ta'ayush* bersumberkan kitab tafsir, hadis, sirah dan dakwah. Beliau menegaskan bahawa kepelbagaian kaum, etnik, budaya dan agama tidak seharusnya mewujudkan jurang sesama mereka. Sebaliknya, usaha untuk mewujudkan kebersamaan adalah penting untuk semua pihak mengenali, menghormati, menghargai dan bekerjasama dalam kebaikan. Kepelbagaian ini seharusnya dijadikan peluang dan ruang untuk umat Islam meraih manfaat dakwah bagi merealisasikan gagasan *Rahmatan lil 'Alamin*. Zulkefli juga menegaskan kepentingan hidup berdampingan dengan rakyat berbilang kaum secara aman harmoni. Semangat kebersamaan dalam kalangan warganegara memerlukan suatu kefahaman (*fiqh*), termasuklah *fiqh al-ta'ayush* yang didasari dengan ajaran Islam yang sebenar. Untuk tujuan itu, Islam menganjurkan beberapa pendekatan yang sesuai untuk menyantuni pihak yang memerlukan bimbingan dan pendedahan terhadap hakikat sebenar ajaran Islam.

Konsep *Rahmah* memberikan makna bahawa Islam membawa kebaikan dan kebajikan untuk semua ahli masyarakat. Ajaran Islam bukan hanya melibatkan amal ibadat yang berkaitan dengan hubungan dengan Tuhan sahaja tetapi juga urusan mereka sesama manusia dan alam persekitaran. Ini termasuklah cara membelanja dan menguruskan harta dan milikan. Sayuti Ab Ghani membicarakan *Rahmatan lil 'Alamin* dalam konteks ibadah wakaf yang amat dituntut dalam Islam. Beliau mengutarakan fakta sejarah yang membuktikan peranan ibadah wakaf pada zaman

awal Islam sehingga hari ini. Kesyukuran ibadah wakaf yang ganjaran pahalanya dikurniakan oleh Allah kepada pewakaf dan pemanfaat wakaf yang terdiri daripada semua masyarakat sama ada orang Islam mahupun bukan Islam. Beliau mengaitkan ibadah wakaf dengan *Rahmatan lil 'Alamin* dan menekankan bahawa pengagihan manfaat wakaf boleh dinikmati oleh semua anggota masyarakat selagi ianya tidak bercanggah dengan perundangan wakaf tersebut seperti yang digariskan Islam.

Hubungan sesama manusia akan bermanfaat dan lebih bermakna sekiranya wujud perasaan *rahmah* dalam kalangan ahli yang berinteraksi. Dalam hal ini, bab yang ditulis oleh Alwani Ghazali membincangkan satu dapatan penyelidikan yang mengkaji kesan konsep 'Dialog Gaya Nabi SAW' yang dijalankan ke atas belia bukan Muslim Malaysia. Beliau menjelaskan hubungkait yang rapat di antara konsep 'Dialog Gaya Nabi SAW' dengan gagasan *Rahmatan lil 'Alamin*. Kajian ini adalah berdasarkan ciri-ciri dialog antara agama yang telah diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW. Beliau menyifatkan bahawa konsep 'Dialog Gaya Nabi SAW' dapat memangkinkan gagasan tersebut dalam konteks Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum kerana gagasan tersebut turut menasaskan pencapaian keamanan dan keadilan. Intipati penting bab ini mengemukakan sembilan isi utama sebagai cadangan untuk memperkukuhkan budaya interaksi antara agama di Malaysia.

### **PRINSIP UTAMA KONSEP RAHMATAN LIL 'ALAMIN**

Sikap mementingkan diri menyebabkan manusia menjadi rakus. Sebagai contoh, manusia bertanggungjawab terhadap persengketaan antara kaum yang memudaratkan silaturrahim dan pemusnahan hutan secara berlebihan yang mengakibatkan pencemaran sekitar. Kedua-dua musibah ini memberi kesan terhadap dimensi horizontal tauhid *hablun min al-nas* iaitu hubungan dengan manusia dan segala makhluk yang berkaitan dengan manusia. Bertitik tolak daripada dimensi horizontal inilah, buku ini seterusnya menggariskan nilai penting dalam kehidupan masyarakat dengan membincangkan prinsip utama *Rahmatan lil 'Alamin*. Dalam konteks ini, Haslina Ibrahim membincangkan isu 'kebenaran agama dan kehidupan bersama' dalam kehidupan masyarakat majmuk di Malaysia berpandukan konsep *Rahmatan lil 'Alamin*. Beliau menjelaskan wujudnya kekeliruan dalam pendapat yang menyatakan bahawa oleh kerana semua agama mengajak kepada kebenaran, maka semua agama adalah sama. Haslina menegaskan bahawa persamaan dan perbezaan adalah sebuah realiti kehidupan yang perlu diakui. *Rahmatan lil 'Alamin* menyantuni hakikat bahawa kepelbagaian adalah sebahagian daripada kehidupan. Kepelbagaian agama menjadi sebab kepada manusia untuk terus berusaha mencari kebenaran hakiki. Berbeza agama tidak bermaksud bahawa mereka perlu bermusuhan kerana ia bertentangan dengan konsep Islam sebagai rahmat. Bahkan Islam menjelaskan bahawa kepelbagaian agama adalah kesan daripada rahmat yang diberikan kepada manusia iaitu kebebasan memilih dan keupayaan berikhtiar.

Di dalam masyarakat kontemporari yang berbilang bangsa, budaya dan kepercayaan sikap saling menghormati adalah penting. Namun, toleransi masih lagi menjadi igauan dan perdebatan walaupun ia telah terbukti berjaya menjalin perpaduan antara kaum berlainan latarbelakang sejak beribu tahun dahulu di dalam pelbagai tamadun, agama dan bangsa. Mohd Azmir Mohd Nizah membincangkan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Beliau menekankan toleransi sebagai nilai primer dalam pembentukan perpaduan masyarakat di negara ini. Beliau juga menekankan keperluan mengukur indeks toleransi dalam masyarakat majmuk di Malaysia kerana dapat memberi gambaran awal tentang tahap toleransi yang diamalkan di negara ini. Indeks tersebut sangat bermanfaat kepada golongan ahli akademik dan penyelidik kerana ia boleh menjadi rujukan untuk merangka program dan dasar yang dapat mengukuhkan lagi perpaduan rakyat. Beliau mengkritik instrumen pengukuran toleransi yang sedia ada memandangkan ia berasaskan model pengukuran toleransi Barat. Instrumen tersebut hanya memfokuskan aspek sentimen, sikap prejudis dan reaksi penerimaan seseorang individu atau komuniti terhadap sesuatu perkara. Azmir sebaliknya berpandangan bahawa pengukuran toleransi harus diukur melalui sikap abstrak dan berlandaskan nilai. Model toleransi di Malaysia menurutnya perlu selari dengan prinsip *Rahmatan lil 'Alamin* supaya ianya tidak hanya berdasarkan logik akal tetapi terpisah daripada wahyu. Model toleransi berdasarkan *Rahmatan lil 'Alamin* mesti berlandaskan Syariah dengan megambil kira dimensi etnik masyarakat setempat dan agama yang menjadi pegangan mereka. Selain daripada itu, dimensi politik juga perlu diraikan dalam mengukur indeks tersebut.

Kegagalan untuk memupuk toleransi dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama boleh menimbulkan sentiment negatif bahkan mengakibatkan keganasan melampau dalam masyarakat. Mohd Mizan Aslam membicarakan pelbagai usaha yang selari dengan pelaksanaan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* yang menolak keganasan atau ekstremisme dalam masyarakat. Ini termasuk usaha untuk menangani dan mengekang bahaya ekstremisme di dalam negara. Beliau membincangkan bahawa ancaman ekstremisme dan radikalisme dalam beragama adalah ancaman global merentasi agama dan sempadan geografi. Beliau juga menerangkan bagaimana fahaman ekstremisme boleh meresapi setiap individu atau organisasi, terutama apabila agenda politik menjadi tunjang kepada perjuangan yang ingin dicapai. Beliau turut mendedahkan kewujudan kumpulan yang mempunyai ciri-ciri ekstremisme di Malaysia, di mana kehadiran mereka boleh melemahkan usaha untuk menunjukkan Islam sebagai agama yang membawa kemananan dan kesejahteraan. Mohd Mizan juga menekankan kesesuaian konsep *Rahmatan lil 'Alamin* untuk diterapkan kepada semua agama dan etnik di Malaysia kerana ianya mampu mengekang budaya ekstremisme dalam kalangan masyarakat. Dalam nada yang sama, Wan Mohd Azam bin Mohd Amin menekankan konsep kerohanian dan akhlak dalam Islam dan hubungannya dengan *Rahmatan lil 'Alamin*. Beliau menegaskan bahawa Nabi Muhammad SAW

diutuskan ke alam ini sebagai *rahmah* bukan sahaja kepada manusia tetapi juga kepada makhluk seperti jin, binatang tumbuhan, alam sekitar dan lain-lain lagi. Segala panduan dan petunjuk kepada manusia terkandung di dalam kehidupan kerohanian yang dizahirkan dalam suri akhlak Baginda. Beliau menekankan kesinambungan akhlak yang mulia dari ummat terdahulu yang dikekalkan dalam Islam. Nilai-nilai terdahulu seperti keberanian, menghormati tetamu, bercakap benar, jujur dan sebagainya diiktiraf sebagai perkara baik (*ma'ruf*) oleh Islam. Amalan-amalan yang terkandung dalam Sunnah Nabi SAW seperti *ihsan*, *shukr*, *mujahadah*, *wasatiyyah* diperkenalkan sebagai kawalan diri (*self-control*) daripada gejolak nafsu manusia, pada masa yang sama membentuk akhlak yang mulia.

Masyarakat yang berjaya adalah masyarakat yang sentiasa sentiasa bersusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan diri dan masyarakat. Mereka bekerja dengan ikhlas serta saling bantu-membantu demi mencapai matlamat yang dihasratkan. Dalam hal ini, bab yang ditulis oleh Rohaiza Rokis menyatakan bahawa *Rahmatan lil 'Alamin* merupakan satu gagasan yang menegaskan bahawa Islam bukanlah satu ajaran eksklusif, sebaliknya inklusif, yang sepatutnya menjadi panduan bagi semua. Beliau menegaskan bahawa konsep *Rahmatan lil 'Alamin* merupakan satu asas agama yang penting untuk difahami. Beliau mengupas konsep *ihsan* yang menekankan kesempurnaan dan kecemerlangan sebagai salah satu konsep dalam gagasan *Rahmatan lil 'Alamin* dalam konteks budaya kerja. Beliau juga mengenalpasti faktor kepada penghayatan konsep *ihsan* dalam organisasi kerja; dan mencadangkan garis panduan yang menggunakan *ihsan* sebagai budaya kerja dalam organisasi pekerjaan.

Di dalam aspek pembentukan nilai murni dalam ahli masyarakat, peranan keluarga adalah penting. Norzulaili Ghazali membincangkan sifat *rahmah* sebagai elemen penting dalam kehidupan rumahtangga, bertepatan dengan maksudnya daripada sudut bahasa iaitu sifat belas kasih sayang yang tinggi. Beliau membicarakan intipati hadis-hadis yang boleh dijadikan panduan untuk menerap dan menghayati kasih sayang antara ahli keluarga; ayah, ibu dan anak. Norzulaili membincangkan hadis dan huraian dalam kitab *syuruh hadith* dan penulisan bab ilmiah yang berkaitan dengan pendekatan Rasulullah SAW dalam menerapkan sifat *rahmah* dalam kehidupan rumahtangga. Beliau menegaskan tentang teladan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW di dalam menjalani kehidupan berumahtangga. Perkara ini perlu diberi perhatian agar setiap ahli keluarga faham akan kepentingan sifat *rahmah* dan sekaligus mengamalkannya di dalam keluarga.

Masyarakat yang harmoni akan lahir dengan kewujudan individu yang dibentuk dari keluarga yang menitikberatkan pendidikan akhlak yang berteraskan nilai rahmah. Di samping peranan keluarga, pihak pemimpin masyarakat juga berperanan penting untuk memupuk sifat tersebut dalam

masyarakat. Rabi'ah Aminudin membincangkan peranan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dalam mencorakkan sistem tadbir urus yang baik dalam masyarakat majmuk. Beliau menegaskan bahawa Islam merupakan agama yang menitik beratkan peranan agama sebagai pendokong peradaban manusia, dan bukan sebaliknya. Rabi'ah meneliti definisi dan ciri-ciri prinsip tadbir urus yang baik dan membincangkan penyepaduan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dengan prinsip tadbir urus yang baik. Beliau juga membincangkan bagaimana konsep *Rahmatan lil 'Alamin* ini seharusnya menjadi tunjang pelaksanaan tadbir urus yang baik terutamanya dalam konteks masyarakat pelbagai budaya seperti Malaysia. Beliau membincangkan skop tadbir urus yang baik dan juga penerapan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dalam tadbir urus yang baik di dalam masyarakat berbilang kaum seperti di Malaysia. Idea yang dikemukakannya boleh digunakan untuk menggubal dan melaksanakan dasar tadbir urus dengan lebih berkesan terutamanya dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Bab-bab dalam buku ini telah membincangkan konsep *Rahmatan lil 'Alamin* dengan mengaitkannya dengan senario yang bersesuaian dengan masyarakat kontemporari. Setiap penulis telah mengemukakan nas Al-Qur'an, Hadith, hujah para sarjana, fakta sejarah, hasil kajian dan buah fikiran yang sesuai dengan tujuan untuk memberikan kefahaman sebenar tentang konsep *Rahmatan lil 'Alamin* kepada pembaca dari pelbagai peringkat umur dan kumpulan. Buku ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada masyarakat umum, pendidik, pentadbir, pemimpin masyarakat, dan pembuat dasar untuk mereka memahami isu-isu, merancang aktiviti dan melaksanakan amalan kerja yang mencerminkan konsep *Rahmatan lil 'Alamin*. Intipati dari setiap bab dalam buku ini juga telah dianalisa untuk mengenalpasti komponen utama dalam kerangka konsep *Rahmatan lil 'Alamin*, yang akan dibincangkan di dalam bab yang berikut.

## **RAHMATAN LIL 'ALAMIN DALAM KONTEKS MASYARAKAT KONTEMPORARI**

Islam sebagai suatu cara hidup merahmati manusia melalui panduan yang diberikan dalam aspek kerohanian, aqidah, akhlak dan perundangan yang saling berkait, melengkap dan seimbang. Buku ini menghuraikan makna yang terkandung di dalam konsep Rahmatan lil 'Alamin dalam pelbagai perspektif dengan mengambil kira konteks masyarakat majmuk di Malaysia. Isi-isi penting telah dicerakinkan dari setiap bab untuk diketengahkan sebagai prinsip-prinsip Rahmatan lil 'Alamin. Setiap bab dalam buku ini membicarakan konsep Rahmatan lil 'Alamin dalam masyarakat kontemporari, dan seterusnya menggariskan saranan untuk mengaplikasikan konsep tersebut samada di dalam diri, institusi, masyarakat mahupun negara. Konsep Rahmatan lil 'Alamin diuraikan di bawah tiga tema utama iaitu Sumber dan Asas Konsep Rahmatan lil 'Alamin, Pemangkin Kepada Kefahaman dan Manifestasi Rahmatan lil 'Alamin; dan Prinsip Utama Konsep Rahmatan lil 'Alamin.

**IIUM Press**

**Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**

ISBN 978-967-13583-5-1



9 789671 358351